



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Normalisasi 'naik gaji, harga barang naik' perbuatan terkutuk sabotaj negara

Dalam tempoh 24 jam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof membantkitkan kebimbangan sama iaitu kebarangkalian berlaku kenaikan harga barang dan perkhidmatan susulan keputusan kerajaan bakal melaksanakan Sistem Sarana Perkhidmatan Awam (SSPA) secara berfasa mulai 1 Disember depan.

Fadillah menyatakan keperluan memastikan aspek penguatanayaan dipertingkat untuk memastikan harga barang tidak naik, terutama makanan di restoran ketika mempergerusikan mesyuarat Jemaah Menteri kelmarin, di samping memberi peringatan khusus kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menangani kemungkinan itu.

Semalam, Ahmad Zahid pula tidak mahu melihat kenaikan harga barang secara tidak munasabah berlaku susulan pelarasan gaji penjawat awam diumumkan kerajaan baru-baru ini. Sebelum ini pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran kepada syarikat dan pemilik kedai supaya tidak memberi tekanan kepada harga barang, khususnya makanan apabila pelarasan gaji penjawat awam dilaksanakan Disember ini.

Seperti sudah menjadi normalisasi di negara ini apabila berlaku peningkatan kadar gaji sama ada sektor awam atau swasta, pasti akan akan wujud fenomena 'naik gaji, harga barang naik'.

Dalam pada itu, Jabatan Perangkaan melaporkan inflasi negara meningkat 2 peratus bulan lalu, angka peratusan kekal sejak Mei tahun ini dengan mata indeks mencatatkan 133.1 berbanding 130.5 pada bulan sama tahun sebelumnya.

Inflasi ini didorong peningkatan bagi kumpulan utama restoran dan perkhidmatan penginapan (3.4 peratus); penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barang dan perkhidmatan (3.2 peratus); rekreasi, sukan dan kebudayaan (2.2 peratus) serta kesihatan (1.9 peratus).

Petunjuk terbaru ini sudah pasti menjadi bacaan kepada kerajaan mengenai risiko berlaku kenaikan harga barang dan perkhidmatan, menyebabkan kadar inflasi meningkat sekali gus bakal mempengaruhi kemampuan kewangan rakyat termasuk penjawat awam untuk berbelanja walaupun bakal menikmati pelarasan gaji.

Pengalaman lalu dilalui negara serta rakyat tidak boleh menafikan harga barang dan perkhidmatan bakal meningkat susulan kenaikan gaji penjawat awam. Ia perbuatan terkutuk kerana 'menangguk di air keruh'.

Justeru, KPDN perlu bertindak lebih proaktif dalam tempoh beberapa bulan ini sebelum SSPA dilaksanakan bagi membendung aktiviti pencatutan dan manipulasi harga oleh peniaga tidak bertanggungjawab serta memastikan tidak berlaku kenaikan harga secara tidak terkawal.

Pegawai penguat kuasa KPDN perlu meningkatkan pemantauan, siasatan dan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 bagi memantau peniaga tidak memanipulasi harga barang dan perkhidmatan secara melampau atau tidak munasabah.

Rakyat sebagai pengguna pula perlu menjadi 'mata dan telinga' kepada kerajaan dengan melaporkan kepada KPDN jika mengesan atau mendapati ada peniaga melakukan pencatutan bagi membendung perbuatan sabotaj kepada masyarakat dan pengguna.

Tingkat pemantauan elak kenaikan harga

Putrajaya: Semua kementerian diarah meningkatkan pemantauan di pelbagai peringkat bagi mengelak berlaku kenaikan harga barang susulan pengumuman mengenai kenaikan gaji penjawat awam di bawah skim baharu Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) hujung tahun ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang juga jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof di sini, semalam.

Beliau berkata, Jemaah Menteri juga akan turun padang meninjau kawasan masing-masing atau lokasi dirasakan perlu untuk dilaksanakan pemantauan.

“(Ada) keperluan untuk memastikan aspek penguatkuasaan di pertingkat (bagi) memastikan harga barang tidak naik

terutama makanan di restoran.

“Ada peringatan khusus kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tetapi kementerian-kementerian (lain) juga diminta untuk tingkatkan pemantauan,” katanya dalam sidang media pasca Mesyuarat Kabinet di sini.

Merujuk sesi libat urus Belanjawan 2025 bagi semua kementerian, Fahmi berkata, sesi libat urus akan diteruskan bagi mendapatkan maklum balas penyediaan dokumen berkaitan perkara itu.

“Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) maklumkan hasil sesi libat urus antara kementerian dan pemegang taruh berjalan cukup baik (minggu lepas)...kita diminta teruskan (sesi libat urus) dan kumpul maklum balas semua kementerian untuk teliti cadangan dirasakan sesuai dimasukan dalam dokumen,” katanya.

今與安華開特別會議 內貿部執法組

(布城22日讯)首相拿督斯里安华将于明天举行特别会议，并向国内贸易与生活费部执法组人员发表讲话。

特别会议将于下午2时45分在布城国际会展中心(PICC)举行。

阿米占促提升服务

国内贸易与生活费部长拿督阿米占表示，自该部执法组于1972年成立以来，这是首相首次与KPDN执法人员举行特别会议。

部长发表文告呼吁KPDN人员在政府的服务交付系统中不断寻找改进的空间，以便为人民和整个国家提供尽可能最好的服务。

“政府非常重视公务员的贡献，并认识到公共服务在政府政策和计划的制定和实施中的重要作用。”

“这一认可转化为对创造有利工作环境的承诺，包括公务员的职业发展和薪酬问题。”

阿米占表示，政府的关切通过首相最近宣布的公共服务薪酬制(SSPA)得以表达，其中包括涉及各级公务员的加薪调整。

“事实上，这次加薪不仅体现了昌明政府对公务员的认可，也符合政府应对公务员生活成本压力的议程。”

因此，他呼吁KPDN的公务员通过更新他们的承诺来进一步提高工作生产力。

“公务员在KPDN的效率和灵活性对于保护人民利益至关重要。这包括与消费者问题和生活成本直接相关的KPDN职能的监督和执法方面。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 OGOS 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Aug	PM beri amanat kepada penguat kuasa KPDN julung kali esok	https://berita.rtm.gov.my/nasional/sejarah-berita-nasional/sejarah-artikel/pm-beri-amanat-kepada-warga-kpdn-esok	BERITA RTM
23-Aug	Penjawat awam bimbang kenaikan gaji diikuti kenaikan harga barang	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1288294/penjawat-awam-bimbang-kenaikan-gaji-diikuti-	BERITA HARIAN
23-Aug	Penjawat awam bimbang gaji naik, harga barang turut naik	https://www.sinarharian.com.my/article/681575/berita/nasional/penjawat-awam-bimbang-gaji-naik-harga-	SINAR HARIAN
23-Aug	Penjawat awam bimbang kenaikan gaji diikuti kenaikan harga barang	https://www.tvsarawak.my/2024/08/22/penjawat-awam-bimbang-kenaikan-gaji-diikuti-kenaikan-harga-	TV SARAWAK
23-Aug	PENJAWAT AWAM BIMBANG KENAIKAN GAJI DIIKUTI KENAIKAN HARGA BARANG	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2332005	BERNAMA
23-Aug	Tingkat penguatkuasaan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1125551/	HARIAN METRO
23-Aug	Naik gaji: Penguatkuasaan harga dipertingkat	https://www.malay.news/naik-gaji-penguatkuasaan-harga-dipertingkat/	MALAY NEWS
23-Aug	Naik gaji: Penguatkuasaan harga dipertingkat	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/naik-gaji-penguatkuasaan-harga-	UTUSAN MALAYSIA
23-Aug	Sindiket seleweng minyak masak subsidi bernilai RM20 juta tumpas	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/sindiket-seleweng-minyak-masak-subsidi-bernilai-rm20-juta-tumpas-2/	UTUSAN MALAYSIA

23-Aug	Didenda RM20,000 kerana miliki petrol tanpa lesen	https://www.dailyexpress.com.my/news/240502/didenda-rm20-000-kerana-miliki-petrol-tanpa-lesen/	DAILY EXPRESS
23-Aug	Fined RM20,000 for having 2,080 litres petrol without permit	https://www.dailyexpress.com.my/news/240489/fined-rm20-000-for-having-2-080-litres-petrol-without-permit/	DAILY EXPRESS
23-Aug	Kenaikan gaji strategi kerajaan mendepani isu kos sara hidup – Armizan	https://malaysiagazette.com/2024/08/22/kenaikan-gaji-strategi-kerajaan-mendepani-isu-kos-sara-hidup-armizan/	MALAYSIA GAZETTE
23-Aug	Normalisasi 'naik gaji, harga barang naik' perbuatan terkutuk sabotaj negara	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1288767/normalisasi-naik-gaji-harga-barang-naik-perbuatan-terkutuk-sabotaj	BERITA HARIAN
23-Aug	P.Pinang: KPDN patahkan cubaan seleweng diesel guna kren pengangkat	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/p-pinang-kpdn-patahkan-cubaan-seleweng-diesel-guna-kren-pengangkat/	UTUSAN MALAYSIA
23-Aug	Guna 'forklift' angkut diesel subsidi	https://www.kosmo.com.my/2024/08/22/guna-forklift-angkut-diesel-	KOSMO
23-Aug	Taktik baru guna 'skylift' seludup diesel	https://www.buletintv3.my/jenayah/taktik-baru-guna-skylift-seludup-diesel/	BULETIN TV3
23-Aug	PM jumpa kumpulan penquatuasa KPDN esok	https://malaysia-tribune.news/2024/08/22/pm-jumpa-kumpulan-penukuasaan-kpdn-esok	MALAYSIA TRIBUNE
23-Aug	PM sampaikan amanat kepada jentera penguatkuasaan KPDN esok	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1288486/pm-sampaikan-amanat-kepada-jentera-penguatkuasaan-kpdn-esok	BERITA HARIAN
23-Aug	Anwar sampai amanat kepada jentera penguatkuasaan KPDN esok	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1125767/anwar-sampai-amanat-kepada-jentera-penguatkuasaan-kpdn-esok	HARIAN METRO

23-Aug	PM sampaikan amanat kepada penguat kuasa KPDN esok	https://www.sinarharian.com.my/article/681641/berita/nasional/pm-sampaikan-amanat-kepada-penguat-kuasa-kpdn-esok	SINAR HARIAN
23-Aug	PM sampaikan amanat kepada jentera penguat-kuasaan KPDN esok	https://www.buletintv3.my/nasional/pm-sampaikan-amanat-kepada-jentera-penguatkuasaan-kpdn-esok/	BULETIN TV3
23-Aug	PM Anwar sampaikan amanat kepada jentera pen- guatkuasaan KPDN esok	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-anwar-sampaikan-amanat-kepada-jentera-penguatkuasaan-kpdn-esok-484639	ASTRO AWANI
23-Aug	PM Anwar to address KPDN enforcement machinery to-morrow	https://thesun.my/local-news/pm-anwar-to-address-kpdn-enforcement-machinery-tomorrow-JC12895491	THE SUN
23-Aug	Lelaki miliki minyak petrol tanpa lesen dihukum denda RM20,000	https://beritasabah.com/lelaki-miliki-minyak-petrol-tanpa-lesen-dihukum-denda-rm20000/	BERITA SABAH